



SIARAN MEDIA

ADVOKASI KASIH KANAK-KANAK KPWKM – 109 PERATUS PENCAPAIAN MELEBIHI SASARAN

SEBERANG PERAI UTARA, 4 OKTOBER – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), telah melaksanakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak peringkat negeri Pulau Pinang tahun 2025 di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) Kuala Muda, Seberang Perai Utara. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM.

Datuk Dr. Maziah menyeru kerjasama semua pihak bagi meningkatkan kesedaran tentang keselamatan dan perlindungan kanak-kanak serta memperkuat jaringan komuniti. Beliau menekankan cabaran era digital yang mendedahkan kanak-kanak kepada risiko penderaan, pengabaian, eksploitasi atas talian dan buli siber. Justeru, beliau menggesa masyarakat melaporkan sebarang kes melalui Talian Kasih 15999, WhatsApp 019-2615999 atau Aplikasi Mobile Talian Kasih untuk tindakan segera.

Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak dirangka untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pelbagai bentuk penderaan kanak-kanak secara fizikal, emosi, seksual, pengabaian dan eksploitasi. Usaha ini dilaksanakan berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001 (*Akta 611*) yang menekankan hak perlindungan penuh untuk semua kanak-kanak.

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan sebanyak 697 kes penderaan kanak-kanak direkodkan di Pulau Pinang dari Januari hingga Ogos 2025 dengan 184 kes di Seberang Perai Utara. Angka ini membuktikan perlunya tindakan segera dan kerjasama semua pihak untuk menangani permasalahan ini.

Sejak 2024, Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak telah berjaya dilaksanakan di 337 sekolah dengan melibatkan 128,148 murid, melebihi sasaran asal 300 sekolah. Di Pulau Pinang, 30 sekolah menyertai program ini dengan penglibatan 5,087 murid dan pada tahun ini 20 buah sekolah lagi disasarkan di Pulau Pinang.

Sasaran 300 buah sekolah dikekalkan bagi tahun 2025 dan sehingga 3 Oktober, 327 sekolah sudah dilibatkan melebihi sasaran dengan peratus pencapaian sebanyak 109%. Selain sekolah, program ini juga diperluas ke 30 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) di seluruh negara bagi melibatkan komuniti secara meluas. Terkini, 19 PAKK sudah terlibat dalam program ini.

Keberkesanan advokasi ini bergantung juga pada kolaborasi pelbagai agensi termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), serta jaringan komuniti setempat. Penyertaan kolektif semua pihak dianggap kritikal dalam menjamin kebajikan, keselamatan, dan kesejahteraan kanak-kanak secara berterusan.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
4 OKTOBER 2025